

21/04/2000

PNB lancar dana amanah terbaru

KUALA LUMPUR, Khamis - Permodalan Nasional Bhd (PNB) hari ini melancarkan dana terbarunya, Amanah Saham Malaysia (ASM), yang dibuka kepada semua rakyat Malaysia berumur melebihi enam bulan.

Saham amanah berharga tetap itu ditawarkan pada harga RM1 seunit. Seorang pelabur boleh melabur sehingga maksimum 50,000 unit dengan pelaburan permulaan sebanyak 100 unit.

Pelaburan tambahan boleh dibuat dengan pelaburan minimum sebanyak seunit.

ASM adalah saham amanah keenam yang dilancarkan PNB serta yang kedua dibuka kepada semua kaum, selepas Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW) yang mempunyai dana sebanyak dua bilion unit.

Bagaimanapun berbeza dengan ASW, ASM tidak mempunyai kuota khusus bagi pelabur Bumiputera.

Pelancaran ASM dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serentak dengan perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menjadi pelabur pertama ASM.

Pengerusi PNB, Tan Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata ASM diperkenalkan bertujuan menampung keperluan generasi akan datang khususnya bagi membiayai kos pendidikan anak-anak.

Mengenai prestasi PNB, beliau berkata, bermula dengan pelaburan bernilai RM600 juta pada 1981, saiz dana yang diuruskan PNB telah berkembang kepada RM30 bilion sekarang.

PNB juga katanya, turut membuat pelaburan menerusi tabungnya sendiri berjumlah lebih RM20 bilion.

Beliau berkata, bagi tempoh 1981 sehingga tahun lalu, PNB sudah mengagihkan sejumlah RM29 bilion dalam bentuk dividen dan bonus.

Ahmad Sarji berkata, sebilangan besar pelabur saham amanahnya adalah terdiri daripada golongan nelayan, petani, peneroka dan kakitangan rendah.

(END)